

13/09/2003

Bimbang penyeludupan rokok meningkat

KENAIKAN duti import dan eksais ke atas rokok dan lain-lain keluaran tembakau hanya menguntungkan penyeludup dan pengedaran rokok secara haram di seluruh negara, kata British American Tobacco Malaysia Bhd (BATM).

Katanya, walaupun kenaikan duti import dan eksais bagi produk itu sudah dikenakan beberapa kali sebelum ini, ia hanya berjaya membendung jumlah pengedaran rokok tiruan, tetapi sebaliknya meningkatkan penyeludup dan pengedaran rokok haram.

"BATM komited untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi membendung gejala penyeludup dan pengedaran rokok haram.

"Kami percaya sebarang kenaikan cukai mestilah disertakan dengan langkah berkesan membendung gejala itu daripada berleluasa.

"Kami harap kerajaan akan menyegerakan penguatkuasaan bagi memastikan kerajaan mendapat 100 peratus perolehan daripada pungutan cukai yang dikenakan," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut kajian Persekutuan Pengusaha Tembakau Malaysia, 20 peratus daripada pasaran tempatan dikuasai pengusaha haram menyebabkan kerajaan kerugian kira-kira RM1.2 bilion tahun lalu.

Katanya, rokok haram yang ada di pasaran hari ini bukan saja `mencuri' pendapatan pengeluar rokok dan tembakau yang berlesen, ia juga tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan Kementerian Kesihatan kerana mengandungi kandungan tar dan nikotin yang tinggi.

Syarikat itu berkata, pasaran haram itu juga turut mendatangkan kesan buruk kepada penanam tembakau tempatan.

Pada pembentangan Bajet 2004 semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan duti import dan eksais ke atas rokok dan lain-lain keluaran tembakau dinaikkan sebanyak 20 peratus sebagai usaha kerajaan menggalakkan gaya hidup sihat dan membendung gejala sosial akibat ketagihannya di kalangan rakyat.

Dr Mahathir berkata kenaikan yang dicadangkan itu masing-masing daripada RM216 kepada RM259 sekilogram dan daripada RM48 kepada RM58 sekilogram.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 4 petang semalam.

Beliau berkata, peningkatan duti ke atas rokok adalah sejajar dengan cadangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengawal penggunaan rokok.

Bagi membanteras penyeludupan ke atas rokok, kata Dr Mahathir, kerajaan sedang melaksanakan penggunaan pelekat khas atau banderol serta dakwat keselamatan bagi memastikan rokok yang dijual bukan rokok yang diseludup.